



(DARI kiri) Amir, Dr Chin dan Dr Mohd Fauzi pada Kempen Derma Buku 2013.

Contohi budaya derma buku

Serdang: Masyarakat negara ini perlu mencantohi budaya menderma buku kepada perpustakaan, dalam usaha berkongsi ilmu seperti diamalkan masyarakat luar negara.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, usaha memperkayakan bahan ini adalah usaha murni kerana dapat menyumbang kepada kesinambungan ilmu yang ada.

Beliau berkata, dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini banyak pihak tampil untuk menyumbang koleksi mereka terdiri daripada individu dan pihak korporat yang berbuat demikian.

“Di negara luar budaya memperluas ilmu menerusi pendermaan buku di perpustakaan adalah satu kebanggaan dan inilah yang patut kita contohi,” katanya ketika merasmikan Kempen Derma Buku oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) sepanjang Mac yang bermula sejak awal bulan ini, di Perpus-

takaan Sultan Abdul Samad, di sini, semalam.

Program menyasarkan pelbagai pihak itu mengumpul buku dalam bentuk ilmiah dan bukan ilmiah untuk tatapan kakitangan dan penuntut sendiri.

Hadir sama, Ketua Pustakawan UPM, Amir Hussain Md Ishak dan bekas pensyarah Fakulti Pertanian, UPM, Prof Emeritus Dr Chin Hoong Fong.

Pada majlis sama, Dr Chin mendermakan bahan rujukan terbarunya buat kali ketiga iaitu 270 naskhah buku berjudul ‘Conservation of Tropical Plant Species’ menjadikan keseluruhan serahan beliau 1,570 unit.

Dr Mohd Fauzi berkata, perluasan koleksi dalam perpustakaan akan dapat dimanfaatkan keseluruhan warga UPM termasuk pihak luar yang datang ke universiti itu.

Katanya, kempen diadakan pertama kali itu akan dapat menambah baik sistem peminjaman buku di perpustakaan itu kelak.